

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7359

SOALAN:

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [TanjongManis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah siasatan dilakukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mencari sumber yang memberikan nombor telefon bimbit dan emel kepada sindiket yang melakukan penipuan (scam) melalui emel, SMS dan telefon bimbit dan apakah tindakan yang dilakukan kepada mereka yang memberi maklumat ini kepada orang yang tidak sepatutnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar dan peka kepada trend jenayah masa kini terutamanya peningkatan kes-kes jenayah siber. Fenomena ini bukan hanya berlaku di negara ini sahaja tapi seluruh dunia memandangkan penggunaan media elektronik telah menjadi budaya masyarakat kini. PDRM telah mengambil langkah proaktif bagi membendung gejala ini dan memastikan rakyat tidak menjadi mangsa penipuan jenayah siber ini.

Antara langkah yang diambil untuk menangani jenayah ini termasuk yang menggunakan nombor palsu Bukit Aman dan juga agensi lain seperti Bank Negara, Bank-bank dan jabatan Kerajaan yang lain iaitu:-

- i) Menjalankan siasatan dan membuat tangkapan terhadap sindiket yang telah dikenalpasti dan menuduh mereka di Mahkamah jika mempunyai cukup bukti.**
- ii) Bekerjasama dengan pengkuatkuasa luar negara terutama dengan polis Taiwan dan China dalam mendapatkan maklumat risikan memandangkan *CALL CENTER* sindiket Macau Scam dipercayai beroperasi di negara berkenaan.**
- iii) Hebahan kepada rakyat melalui media massa, media cetak, TV dan radio serta media sosial PDRM (Laman Web, Facebook dan**

Twitter) untuk tujuan peringatan serta kempen kesedaran kepada rakyat bahawa jika mereka menerima panggilan hendaklah menghubungi pihak polis untuk memaklumkan kejadian atau membuat pengesahan maklumat yang diterima.

- iv) Memberi nasihat dan hebahan kepada rakyat bahawa tidak pernah pihak bank atau agensi jabatan Kerajaan meminta wang untuk dipindahkan ke akaun individu bagi tujuan keselamatan daripada mangsa yang terlibat.

Pihak yang menjadi mangsa perlulah memberikan maklumat kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan dan masyarakat disaran jangan cepat mempercayai dan terpedaya dengan sebarang dakwaan, tawaran, pujukan, pemberian hadiah dan rayuan yang diberikan oleh pihak yang tidak dikenali tapi perlulah merujuk kepada pihak yang berkenaan terlebih dahulu untuk pengesahan panggilan yang diterima.